

LATAR BELAKANG

EKSA telah diamalkan di sektor kerajaan dan swasta untuk mewujudkan persekitaran tempat kerja yang kondusif dalam masa yang sama, imej korporat dapat dikekalkan. Amalan ini dapat mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti secara sistematik dan praktikal selain daripada berupaya mengurangkan pembaziran dari segi masa dan ruang. Secara langsung, kos operasi dapat dijimatkan.

EKSA, singkatan kepada **Ekosistem Kondusif Sektor Awam** telah diperkenalkan bagi penjenamaan semula **5S** (*Rujuk Surat Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bil 1 Tahun 2014: Ekosistem Kondusif Sektor Awam*). Justeru dalam garis panduan ini, nama **EKSA** akan digunakan bagi menggantikan nama **5S**.